

# Waspada ancaman komunis: Mahathir

BH 15 DEC 1975

ALOR SETAR, Ahad

**M**ENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, mengingatkan anggota-anggota UMNO jangan laka dengan apa yang sudah dicapai sekarang. Mereka sebaliknya hendaklah sentiasa waspada terhadap gerakgeri komunis dan bersedia menghadapi ancaman yang boleh meruntuhkan

kemerdekaan negara ini, katanya.  
Berucap merasmikan cawangan baru UMNO di Batu Tiga, Jalan Langgar dekat sini semalam, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi UMNO Bahagian Alor Setar, berkata: "UMNO, sebagai sebuah parti pemerintah

telah mencapai kejayaan-kejayaan yang cemerlang berbanding dengan beberapa negara yang baru merdeka.  
"Setengah-setengah orang asing dan golongan yang membantah kemerdekaan pernah meramalkan negara ini akan menjadi kucar-kacir

jika diperintah oleh UMNO.  
"Mereka berpendapat UMNO tidak akan dapat menentang ancaman-ancaman komunis ataupun mengatasi masalah perkauman dalam negeri.  
"Anggapan ini kerana kononnya kita kekurangan kebolehan pentadbiran dan sebahagian besar kegiatan ekonomi negara ini dikuasai oleh orang asing.  
"Tetapi kita telah

membuktikan bahawa anggapan mereka itu salah, kita telah berjaya memajukan dan membangunkan negara ini," tegas beliau.  
Dr. Mahathir berkata UMNO ditubuhkan untuk mencapai kehidupan yang lebih baik dan faedah faedah lain untuk orang Melayu dan seluruh negara.  
"Dalam perjuangan kita untuk hak-hak orang Melayu, kita tidak pernah merampas sebarang hak yang ada pada kaum lain sebagaimana yang berlaku di beberapa negeri lain.  
Kita telah membina jalan raya, mengadakan biasiswa malam menghantar anak-anak Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri dan yaysan-yaysan pendidikan tinggi dalam negeri telah dipenuhi.

### Pererat

"Kita tidak mengalami krisis perkauman melainkan peristiwa 13 Mei, 1969, yang hanya berlaku di Kuala Lumpur saja.  
"Sekarang kita telah berjaya mempereratkan perhubungan antara kaum dan kita juga telah mencapai kejayaan yang lebih besar dalam bidang kerjasama antara kaum melalui pembentukan Barisan Nasional," kata beliau.  
Menteri Dr. Mahathir, memang terdapat golongan atau kumpulan tertentu bertanya-tanya mengapa mereka masih hidup miskin sedangkan negara sudah mencapai kejayaan yang sungguh memuaskan.  
Beliau menegaskan Kerajaan tidak dapat membiarkan orang miskin KAYA.  
"Tanggungjawab Kerajaan untuk membawa kekayaan kepada mereka.  
"Kerajaan hanya boleh menyediakan kemudahan-kemudahan dan terpulanglah kepada rakyat sendiri untuk membak-gunakannya," tegas beliau.